

Giliran UMNO jadi KM sahkan keputusan dua tahun lalu.

UM 13 FEB 2003

KOTA KINABALU 12 Feb. — Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah menyifatkan pengumuman Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkaitan giliran UMNO menjadi Ketua Menteri dalam sistem penggiliran sebagai mengesahkan keputusan yang dibuat dua tahun lalu.

Mereka berpendapat, perkara itu telah pun diketahui umum sebelum ini dan bukanlah sesuatu yang menghairankan untuk UMNO mengisi kekosongan Ketua Menteri berikutan tamatnya perkhidmatan Datuk Chong Kah Kiat, pada 27 Mac ini.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee berkata, pengumuman itu adalah selaras dengan perkara yang telah diputuskan dalam perbincangan dua tahun lalu.

Katanya, parti itu juga yakin terhadap kebolehan para pemimpin UMNO Sabah untuk menerajui kepimpinan negeri bagi menggantikan Kah Kiat.

“Kita yakin Perdana Menteri akan melantik seorang pemimpin yang paling sesuai sebagai Ketua Menteri,” katanya yang menjadi Ketua Menteri Sabah pada 1996 hingga 1998.

Semalam, Perdana Menteri berkata, kekosongan jawatan Ketua

Menteri Sabah bulan depan ekoran tamatnya tempoh perkhidmatan Kah Kiat akan diisi oleh wakil daripada UMNO.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah diperkenalkan pada 1994 untuk memberi peluang kepada pemimpin Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam menyandang jawatan tersebut untuk tempoh selama dua tahun.

Penggiliran

Kah Kiat adalah Ketua Menteri keenam dalam sistem penggiliran itu selepas Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Salleh Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Osu Sukam.

Teck Lee juga berharap sistem penggiliran itu akan diteruskan sehingga pusingannya lengkap mengikut formula 2:1:1 iaitu dua untuk UMNO, satu Bumiputera Islam dan satu Bumiputera bukan Islam.

Katanya, mengikut sistem itu selepas UMNO jawatan Ketua Menteri akan disandang oleh Bumiputera bukan Islam untuk melengkapkan pusingan sebagaimana yang diper-setujui.

“Selepas lengkap nanti, kita rasa tidak payahlah lagi penggiliran diteruskan tetapi kalau dihentikan sekarang sudah tentu akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan

pihak yang belum dapat memegang jawatan tersebut,” jelasnya.

Sementara itu, Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan berkata, parti itu sentiasa patuh kepada keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan BN berhubungan perkara tersebut.

Katanya, pengumuman itu menunjukkan bahawa buat sementara waktu ini sistem penggiliran sedang berjalan ke arah mendapatkan kestabilan pentadbiran negeri.

“Bagaimanapun kita berharap pada masa depan sekurang-kurangnya ada perbincangan untuk menentukan dari segi Perlembagaan supaya sistem penggiliran ini tidak bertentangan supaya Perlembagaan dapat dipatuhi,” jelasnya.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup pula berkata, pihaknya menghormati keputusan yang dibuat oleh Dr. Mahathir itu.

Katanya, parti itu juga akan memberi sokongan penuh kepada calon yang dipilih dari kalangan pemimpin UMNO untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Ketua Menteri.

“Kita hormati keputusan itu dan akan menyokong penuh demi kebaikannya rakyat dan pembangunan negeri,” jelasnya yang juga Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah.